

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 23 / 11 / 2007

Malaysia sedia kongsi kepakaran

um- 23/11/2007



Tiada negara yang mempunyai pendekatan yang sama tetapi sesebuah negara itu boleh berkongsi pengalaman

DR. SULAIMAN MAHBOB
Ketua Pengarah Unit
Perancangan Ekonomi
(EPU) Jabatan Perdana
Menteri

KAMPALA, Uganda 22 Nov. - Malaysia sedia berkongsi pengalaman dan kepakaran teknologinya bagi membantu negara miskin dalam Komanwel untuk membolehkan mereka keluar dari kemelut kemiskinan.

Ketua Pengarah Unit Perancangan Ekonomi (EPU) Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Sulaiman Mahbob berkata, Malaysia sedia membantu jika ada permintaan dari negara terbabit termasuk melalui Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP) bagi menyediakan pelan pembangunan.

"Banyak negara mahu berkongsi pengalaman dengan Malaysia dan kita sedia membantu," katanya kepada wartawan Malaysia di sini hari ini.

Kejayaan dan pencapaian Malaysia memang dikagumi oleh pemimpin-pemimpin komanwel yang hadir pada Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di sini kerana dalam tempoh yang singkat ia mencapai kejayaan dalam pembangunan ekonomi.

Malah, Kuala Lumpur juga menarik perhatian perwakilan peringkat menteri di CHOGM ekoran perpaduan di kalangan masyarakatnya yang berbilang kaum dan agama.

Perkara itu dinyatakan Sulaiman yang membentangkan kertas kerja pada pertemuan jamuan tengah hari bersama lebih 50 Menteri Luar Komanwel sempena CHOGM 2007 di sini semalam anjuran Kementerian Luar Uganda.

Sulaiman membentangkan kertas kerja berjudul *Pengalaman Pembangunan Ekonomi, Politik dan Sumber Manusia Malaysia* selama 45 minit, diikuti soal jawab kira-kira 30 minit.

Semasa dialog selepas pembentangan itu, Sulaiman diuji pelbagai soal mengenai rahsia kejayaan Malaysia dan bagaimana ia berupaya mengekang dan mengatasi tekanan-krisis ekonomi 1997/98.



Menurut Sulaiman, negara anggota Komanwel yang berminat untuk mencontohi kejayaan Malaysia boleh menghubungi kedutaan Malaysia di negara terbabit supaya perediaan dapat dibuat untuk membantu mereka.

"Saya menceritakan mengenai empat perkara pokok iaitu formula politik, formula ekonomi, pengalaman kita mengatasi krisis ekonomi 1998 dan contoh yang boleh diteladani.

"Tiada negara yang mempunyai pendekatan yang sama tetapi sesebuah negara itu boleh berkongsi pengalaman. Malaysia bersedia berkongsi pengalaman itu dengan sesiapa saja yang berminat," katanya.

Menjelaskan lebih lanjut pembentangannya pada majlis tertutup itu, Sulaiman berkata, formula politik berasaskan perkongsian kuasa merupakan asas kejayaan Malaysia untuk menyatupadukan rakyat pelbagai kaum dan seterusnya membawa kepada kestabilan politik.

Katanya, untuk berjaya dalam ekonomi, sesebuah negara itu terlebih dahulu perlu mempunyai suasana politik yang stabil dan salah satu formulanya ialah perkongsian kuasa seperti yang dilakukan Malaysia melalui Perikatan ketika mula mencapai kemerdekaan dan kini Barisan Nasional.

Beliau berkata, perpaduan amat

penting kerana beberapa negara seperti Iraq berhadapan dengan masalah perbezaan mazhab sunni dan syiah dan begitu juga di Afghanistan yang berpuak-puak.

Dari segi ekonomi pula, katanya, Malaysia memastikan ia diagihkan sama rata dan setiap rakyat dapat menikmatinya melalui penyediaan kemudahan asas seperti jalan raya, klinik dan sekolah di luar bandar.

"Kita adalah antara negara terawal di dunia memulakan formula ekonomi ini. Pada zaman Allahyarham Tun Abdul Razak (Hussein), Perdana Menteri ketika itu memberi penekanan kepada pembangunan luar bandar sebelum diperluaskan kepada formula Dasar Ekonomi Baru (DEB).

"Pelaksanaan DEB ini adalah untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum tetapi apa yang lebih penting ialah membawa bersama rakyat untuk menyertai proses pembangunan seperti melalui pendekatan Felda dengan membuka tanah," katanya.

Menurut Sulaiman, banyak negara asing kagum dengan usaha Malaysia merangka formula tersendiri ketika krisis ekonomi dengan menolak formula Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) yang menaikkan kadar faedah, mengamalkan dasar tidak memberi pinjaman dan meminta kerajaan jangan berbelanja.

Kini, katanya, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memberi penekanan kepada usaha membasmi kemiskinan dengan tumpuan kepada sektor pertanian.

Malah, kata beliau, pendekatan Islam Hadhari dan integriti yang diperkenalkan Abdullah turut menarik perhatian masyarakat dunia, kerana pendekatan Islam Hadhari menggalakkan kemajuan teknologi dan menolak sebarang bentuk penganan yang ekstrem.